

# Selangor gantung darjah kebesaran Najib, Rosmah

Oleh **KU SYAFIQ KU FOZI**  
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 10 MEI**

**D**arjah kebesaran bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor digantung buat sementara waktu oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Ia berikutan per-tuduhan ke atas pasangan suami isteri itu yang sedang dalam per-bicaraan di mahkamah melibatkan kes rasuah, pecah amanah dan pengubahan wang haram.

Menurut Setiausaha Kerajaan Selangor, Datuk Mohd. Amin Ahmad Ahya, penggantungan itu berkuat kuasa 6 Mei lalu dan ia akan disemak semula setelah kes tersebut dimuktamadkan di mahkamah.



**NAJIB TUN RAZAK**

“Penggantungan ini selaras dengan kuasa baginda di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, Statut Darjah Kebesaran yang berkaitan dengan konvensi yang diamalkan di negeri Selangor,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Najib dikurniakan Keahlian Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) Kelas

Pertama yang membawa gelaran Datuk Seri pada 2004 dan Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS) Kelas Kedua yang membawa gelaran Datuk pada 1992.

Rosmah pula dikurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) Kelas Pertama yang membawa gelaran Datin Paduka Seri pada 2005.

Sementara itu, bekas Pengerusi Eksekutif dan Pengarah NGV Tech Sdn. Bhd., Zulkifli Shariff ditarik balik keahliannya sebagai penyandang Darjah Kebesaran Datuk - Sultan Sharafuddin Idris Shah (DSIS) selepas diisytiharkan bankrap oleh Jabatan Insolvensi Malaysia.

Darjah yang membawa gelaran Datuk itu diterimanya pada 2010.